

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]

**SOALAN NO. 318**

Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang disenarai hitam dalam rekod Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS) dikecualikan daripada sekatan pembelian rumah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah pelaksanaan dasar semasa, mana-mana peminjam yang disenarai hitam dalam rekod Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS) digalakkan berunding terus dengan pihak PTPTN untuk bantuan penstrukturan semula pinjaman yang telah dibuat dan bantuan penyelesaian tunggakan mengikut kemampuan sebelum membuat pembiayaan dengan mana-masa institusi kewangan di Malaysia.